

HAL EHWAL KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Rancangan Hendak Menubuhkan 'Islam' Dengan 'Pancasila' Gagal

“Perlembagaan” atau “Undang-Undang Dasar” adalah suatu masalah yang sedang menarik perhatian umum di Indonesia pada hari ini, “Undang-Undang Dasar” Indonesia sedang dibahaskan dengan hebat dalam Dewan Undangan (Constituency).

Perbahasan itu berjalan terus semenjak bulan November 1957 dan wakil-wakil dari berbagai-bagai partai: Islam, Kebangsaan, Komunis dan Kristian telah merupakan dua pihak yang bertentangan. Wakil-wakil dari Partai Islam tidak berganjak daripada azam mereka hendak menegakkan negara Islam Indonesia, dan sebaliknya wakil-wakil dari Partai Nasional, Komunis dan Kristian hendak menegakkan negara “Pancasila”.

Mukadimah Perlembagaan

Dalam bulan Januari 1959 yang lalu, perbahasan telah berbalik semula tentang mukadimah Perlembagaan itu dan masing-masing telah mengarahkan tenaganya untuk mencapai kemenangan. apalagi kerana biasanya di dalam mukadimah sesuatu perlembagaan tersimpan roh atau jiwa segala perkara yang mustahak yang tercatat dalam Perlembagaan itu.

Dalam perbahasan yang telah diadakan terus menerus semenjak bulan November 1957, untuk menegakkan bentuk Perlembagaan Negara Indonesia : berdasar Islamkah atau Pancasila, kita dapati pihak Islam sentiasa bersatu dalam memperjuangkan dasar Islam, dan masyarakat Islam berasa gembira dan mengucap Alhamdulillah....!

Tetapi semenjak bulan November 1957 membawa kepada November 1958 keadaan bertukar dan banyak kejadian yang

telah berlaku pihak “Pancasila” tidak berhenti-hentinya mempengaruhi pendapat umum di luar Dewan Undangan bahkan Partai Nasional telah membentuk pula barisan Pancasila.

Islam Hendak Diketahui Dengan Pancasila

Sementara itu terdengar pula suara Kiyai Haji Abdul Wahab Ketua Umum Nahdatul Ulama, hendak mengahwinkan “Pancasila – Islam”, tetapi dari keterangan tokoh Nahdatul Ulama sendiri, akhirnya nyata bahawa cita-cita ini belum merupakan suatu perkara yang boleh mengejutkan.

Mengahwinkan “Islam dengan Pancasila” ini rupanya sebagai suatu pancaran hati “baik” supaya perundingan tentang perlembagaan negara jangan gagal,

kerana kedua pihak sama bertahan (dan sama pula kuatnya). Malah menurut Tuan Ali Mansur, jurucakap Nahdatul Ulama dalam Dewan Undangan, bahawa Nahdatul Ulama menghendaki supaya Dewan Undangan Indonesia mendokong “Cita-cita Pancasila Berjiwa Islam”.

Cita-cita “baik” ini rupanya dianggap sebagai kelemahan Islam oleh pihak Pancasila, sehingga mereka dengan terang berlagak menunjukkan kekuatan mereka, dan dengan tidak berselindung lagi (sebagaimana yang disuarakan oleh Setiausaha Agung Partai Nasional pada 4 Disember yang lalu) dengan berkata : bahawa Pancasila tidak perlu ditambah dengan Islam. Kerana Islam sudah termasuk di dalamnya.

Demikianlah sikap Nahdatul Ulama yang telah terdorong lalu mengalah kerana kuatnya kendak mencari penyelesaian, telah terbalik tujuannya, dan tidak pelik kalau pihak lawan Islam, (Komunis dan rakan-rakannya), memandang bahawa pihak Islam sudah lemah.

Sudah Terhantuk Baharu Terngadah

Akhirnya Nahdatul Ulama sedarkan kecurangan pihak lawannya, dan menurut keterangan Setiausaha Agung Nahdatul Ulama, Tuan Syaifuddin Zuhri (pada 15 Disember yang lalu), yang berkata antara yang lain: bahawa jikalau Nahdatul Ulama (tentang perkahwinan Islam dengan Pancasila) itu, tidak mendatangkan perubahan sikap pihak Pancasila, dan pihak Pancasila itu tetap bertahan (tidak mahu bertolak ansur), maka Nahdatul Ulama akan kembali kepada pendiriannya yang asal, iaitu Islam (seratus peratus), kerana sikap tolak ansur yang hanya ada pada satu pihak, tidak akan mendatangkan penyelesaian.

Sikap Nahdatul Ulama rujuk semula kepada pendirian yang asal (Islam seratus peratus), sudah selayaknya, dan tentulah disambut dengan baik oleh umat Islam.

Hanya Islam

Hanya Islam yang semestinya diperjuangkan terus menerus, walau bagaimanapun keadaan yang mengelilingi umat Islam ada pun tentang faham yang mengatakan selama kedua pihak bertahan maka selama itulah pula perlembagaan atau undang-undang dasar akan terbengkalai, maka ini sepatutnya dibahaskan pihak oleh Islam sesama sendiri untuk mencari kata pemutus, supaya tidak dipermudah dan tidak dipandang lemah oleh pihak lawan.

Demikian maqāmūn tulisan Majalah Hikmah Jakarta.

Anak Ketua Munafik

Munafik, ertinya orang yang bermuka dua. Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah Abdullah bin Ubayy. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Habbab, bukan munafik bahkan seorang syuhada yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan rasulnya.

Baca ceritanya dalam sejarah syuhada Islam yang ke delapan.

Senaskah 50 sen pos 10 sen.